

0375

U B119 BAH

MAHATHIR - RAZALEIGH
(1)

SUBANG, 11 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, BELIAU TIDAK MENGETAHUI ADA SURAT-SURAT YANG DIKATAKAN DIHANTAR OLEH DATUK MUSA HITAM KEPADANYA DUA KALI SEBELUM TIMBALANNYA ITU MENGEMUKAKAN SURAT PERLETAKAN JAWATAN BULAN LEPAS.

+SAYA TIDAK TAHU TENTANG SURAT-SURAT ITU. INI HANYALAH SPEKULASI SAHAJA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS BELIAU MELAWAT SYARIKAT AIROD SDN. BHD. DI SINI.

BELIAU MENGULAS LAPORAN AKHBAR DI JAKARTA YANG MENGUTIP SUMBER-SUMBER BAHAWA DATUK MUSA, SEBELUM MENYERAHKAN SURAT PERLETAKAN JAWATAN, TELAH DUA KALI MENGHANHTAR SURAT KEPADA PERDANA MENTERI.

MENURUT LAPORAN ITU, SURAT-SURAT ITU MENCURAHKAN +ISI HATI DAN PERASAAN+ DATUK MUSA BERTHUBUNG DENGAN PERLANTIKAN (MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN) TENGGU RAZALEIGH HAMZAH MENYERTAI KABINET.

DATUK MUSA BERLEPAS KE JEDDAH PADA 26 FEB DAN SURAT PERLETAKAN JAWATANNYA DARIPADA KABINET DAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO YANG BERKUATKUASA PADA 16 MAC, TELAH DISERAHKAN OLEH SEORANG PEMBANTUNYA KEPADA PEJABAT PERDANA MENTERI PADA KEESOKANNYA. -- LAGI.
1808MST 11 03 86

0385

U B122 BAH

MAHATHIR - RAZALEIGH 2 SUBANG
(1)

LAPORAN ITU MENYATAKAN BAHAWA SURAT PERTAMA DARIPADA DATUK MUSA KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DIHANTAR SEJURUS SEBELUM PEMBUBARAN KABINET PADA TAHUN 1984.

SURAT KEDUA, MENURUT LAPORAN ITU, DIHANTAR SELEPAS TENGGU RAZALEIGH DIKEKALKAN DALAM KABINET.

MENGENAI SEBAB DATUK MUSA MELETAKKAN JAWATAN, PERDANA MENTERI BERKATA:+ SEBABNYA SAYA TIDAK TAHU.+

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA BELIAU HANYA MEMBACA SURAT KHABAR UNTUK MENGETAHUI PERKEMBANGAN TERBARU MENGENAI ROMBONGAN EMPAT ORANG MENTERI BESAR KE LONDON UNTUK MEMUJUK DATUK MUSA SUPAYA MEMPERTIMBANGKAN KEPUTUSANNYA HENDAK MELETAKKAN JAWATAN.

+SAYA MEMBACA SURAT KHABAR TIAP-TIAP HARI, DALAM BEBERAPA HAL, ANDA LEBIH MENGETAHUI DARIPADA SAYA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, MAJLIS TERTINGGI TIDAK BERCADANG UNTUK BERMESYUARAT HARI AHAD INI, TARIKH BERKUATKUASANYA PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA. -- BERNAMA.
1821MST 11 03 86